



# SIARAN MEDIA

***Untuk siaran segera***

## MYDIGITAL KONTRAKTOR – LANGKAH PERTAMA KONTRAKTOR KE ERA DIGITAL

**KUALA LUMPUR (24 Mac 2022)** - CIDB E-Construct Services Sdn Bhd, sebuah anak syarikat CIDB Malaysia hari ini memperkenalkan Program myDigital Kontraktor yang merupakan sebuah perkhidmatan penyediaan laman web untuk kontraktor yang berdaftar dengan CIDB. Ia memudahkan kontraktor untuk mempromosikan syarikat mereka serta meluaskan capaian dan carian maklumat mengenai syarikat mereka secara online.

Semua kontraktor yang berdaftar dengan CIDB Malaysia akan ditawarkan laman web sendiri secara percuma selama 6 bulan sebagai tempoh percubaan. Tawaran ini termasuk pakej web hosting dan nama domain, serta beberapa template mudah untuk digunakan oleh kontraktor untuk mengisi maklumat syarikat serta projek-projek mereka. Kontraktor akan dikenakan caj perkhidmatan sekiranya berminat untuk menyambung perkhidmatan ini selepas tempoh percubaan. Namun caj yang dikenakan adalah amat berpatutan.

Manfaat lain yang boleh dinikmati oleh para kontraktor melalui perkhidmatan ini termasuklah sistem *e-tendering* dan *e-procurement* yang disediakan rakan strategik CIDB eConstruct, iaitu Maxwell Cloud Technology Sdn Bhd. Sistem ini boleh digunakan

untuk pembelian bekalan ataupun penawaran kerja-kerja subkontraktor dengan lebih sistematik serta telus secara atas talian.

“Perkhidmatan yang ditawarkan melalui MyDigital Kontraktor ini adalah suatu permulaan bagi sesetengah kontraktor untuk membiasakan diri dengan dunia digital. Tentunya eksplorasi dunia digital oleh kontraktor tidak akan terhenti di sini. Diharap dengan memulakan langkah pertama dengan MyDigital Kontraktor, syarikat pembinaan kecil dan sederhana akan lebih terbuka dalam memanfaatkan lebih banyak lagi kemudahan di dalam dunia digital di masa akan datang,” kata Menteri Kanan Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof.

Program myDigital Kontraktor ini telah dilancarkan oleh Dato’ Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya, di MyBIM Centre CIDB di sini. Pada majlis tersebut, Fadillah turut menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama di antara CIDB eConstruct dan Maxwell Cloud Technology Sdn. Bhd. Turut hadir di majlis tersebut adalah Datuk Wan Ahmad Uzir Bin Haji Wan Sulaiman, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, Dato’ Ir. Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, YBrs. Ts. Rofizlan Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd. serta Encik Ng Jiun Chiet, Ketua Pegawai Eksekutif dari Maxwell Cloud Technology Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [cd.cidbec.com.my](http://cd.cidbec.com.my).

###